

Latihan industri
di KSSB bentuk
kemahiran pekerjaan

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

SHAH ALAM

KSSB optimum bakat, kebolehan bakal graduan

Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) membuka peluang kepada penuntut tahun akhir institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) untuk mengikuti latihan industri di syarikat berkenaan.

Pengarah Operasi Unit Strategik Perniagaan bagi Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Raya, Jafrikhairi Mhd Idris berkata, ia adalah salah satu inisiatif KSSB untuk memberi pendedahan awal kepada penuntut, mengoptimumkan bakat, kebolehan dan cara kerja yang efektif dalam dunia pekerjaan.

"Sehingga Julai 2021, seramai 42 penuntut IPTA dan IPTS telah berjaya mengikuti latihan di KSSB dan sebahagiannya telah diserap sebagai kakitangan tetap KSSB.

"Program latihan industri merupakan satu komponen utama dalam kurikulum pengajian akademik di IPTA dan IPTS.

"Latihan industri ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran dan mempersiapkan graduan ke alam pekerjaan sebenar," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurutnya, dengan adanya bimbingan dan tunjuk ajar daripada pegawai serta kakitangan yang lebih berpengalaman dan berkemahiran, ia dapat memupuk budaya kerjasama yang lebih efisien serta meningkatkan progresif sasaran kerja.



Sesi taklimat penuntut latihan industri dan kakitangan baharu KSSB.

"Semoga bakal graduan memperoleh pengalaman yang berharga sepanjang tempoh latihan industri mereka," katanya.

Jafrikhairi berkata, seiring dengan dasar dan objektif program, KSSB akan sentiasa menyokong serta memberikan peluang kepada bakal graduan terutama anak Selangor untuk turut sama mengikuti latihan industri di syarikat berkenaan.

Sementara itu, penuntut **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Nur Izzati Nadhirah Azza berbesar hati dan berterima kasih kepada



NUR IZZATI NADHIRAH SHAHQIRA

kata beliau.

Nur Izzati Nadhirah kini masih menjalankan latihan industri di Unit Strategik Perniagaan bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya.

Sependapat dengan Nur Izzati Nadhirah ialah Shahqira A Razi yang merupakan penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM), Puncak Alam, Selangor yang menjalani latihan industri di KSSB dalam bahagian sama.

"Saya diberi kepercayaan untuk menjalankan kerja-kerja yang telah diamankan seperti kakitangan KSSB yang lain.

"Saya berharap dapat mengaplikasikan teori dan pengetahuan akademik yang dipelajari semasa latihan industri ini," kata Shahqira.

KSSB kerana diberikan peluang untuk menjalani latihan industri.

"Sepanjang mengikuti program latihan industri di KSSB, saya memperoleh banyak manfaat dari segi ilmu, pengalaman bekerja dan latihan yang komprehensif. Terima kasih KSSB,"



Penuntut tahun akhir IPTA yang mengikuti latihan Industri bersama KSSB berpeluang menimba ilmu, pengalaman bekerja dan latihan komprehensif.



Latihan industri dapat membantu meningkatkan kebolehpasaran dan mempersiapkan graduan ke alam pekerjaan sebenar.